

06 JUL 2001

Malaysia-UAE (Laporan Khas)

HUBUNGAN MALAYSIA-UAE BERKEMBANG PESAT

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 6 Julai (Bernama) -- "Kita tidak begitu kenal satu sama lain." Itulah yang dikatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila diminta mengulas mengenai hubungan Arab-Malaysia semasa lawatannya ke Dubai April lepas.

Bagaimanapun, lawatan Perdana Menteri itu menunjukkan kesediaan baru pada kedua-dua pihak untuk menjalin hubungan yang lebih akrab. Jika aliran itu berterusan, kedua-ke dua negara dijangka menjadi model bagi hubungan Malaysia dengan negara-negara Asia Barat.

Hubungan itu sudah pasti bukan sahaja meliputi perdagangan tetapi juga hubungan sosial dan budaya, kata duta Malaysia ke UAE, Datuk Syed Hussein Al Habshee.

Pemimpin-pemimpin penting UAE yang telah melawat Malaysia sejak kebelakangan ini termasuk Putera Mahkota Dubai yang juga Menteri Pertahanan Dubai Jeneral Sheikh Mohammad Bin Rashid Al Maktoum dan Pemimpin Sharjah Sheikh Sultan Bin Mohammad Al Qassimi.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menganugerahkan pemerintah Sharjah itu dengan ijazah doktor kehormat sebagai menghargai sumbangan beliau sebagai cendekiawan.

"Lawatan-lawatan peringkat tinggi seperti itu boleh memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan hubungan kita bersama UAE," menurut Syed Hussein, yang datang ke Abu Dhabi sebagai duta Malaysia yang pertama di negara itu pada Ogos lepas.

Kedutaan Malaysia di ibu negara itu dibuka pada 1983. Kedutaan UAE di Kuala Lumpur dibuka pada Oktober 1995.

Momentum baru dalam hubungan antara kedua-dua negara sebenarnya fenomena baru.

"Hubungan itu terus meningkat sejak enam bulan lepas," kata duta Malaysia itu kepada BERNAMA.

Dan hasil daripadanya sudahpun boleh dilihat. Pada Mei lepas, sebuah syarikat dari Malaysia, Perkapalan Mesra mendapat tawaran projek bernilai RM 1 bilion (AS\$ 270 juta) di Dubai untuk peringkat pertama pembinaan dua pulau buatan.

Projek pelancongan 'Palm Islands' itu bernilai beberapa bilion ringgit dan ia mengandungi hotel-hotel, beribu-ribu kediaman dan kemudahan pelancongan.

"Kita mahu Perkapalan Mesra menyiapkan projek itu mengikut tempoh supaya syarikat-syarikat Malaysia yang lain akan mendapat manfaat daripada kejayaan ini," kata Syed Hussein.

Hubungan perniagaan merupakan keutamaan dengan Malaysia melihat UAE sebagai pintu bagi eksportnya ke pasaran-pasaran di Asia Barat dan rantau Afrika Utara.

Dubai, satu daripada tujuh amiriah dalam UAE merupakan pusat terkemuka bagi perniagaan antarabangsa di Asia Barat.

Semasa melancarkan Pusat Perdagangan Malaysia di Dubai pada Mei, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz menyeru syarikat-syarikat Malaysia untuk mengambil kesempatan daripada rangkaian komersil yang luas di amiriah.

"Rantau Asia Barat ialah pasaran sedang muncul yang penting bagi Malaysia. Pada tahun 2000, perdagangan Malaysia dengan negara-negara di rantau itu tumbuh 52.7 peratus kepada \$3.4 bilion (RM 12.92 bilion), berbanding \$2.2 bilion pada 1999.

Bagaimanapun, ia hanya meliputi 1.9 peratus daripada perdagangan global Malaysia," katanya. UAE merupakan rakan perdagangan terbesar bagi Malaysia di rantau itu.

Malaysia mahu menawarkan dirinya sebagai alternatif kepada Eropah dan Amerika Syarikat dalam menawarkan barangan dan perkhidmatan kepada negara-negara Teluk.

Dr Mahathir memberitahu sebuah akhbar tempatan, "negara-negara Arab berurusan sesama sendiri atau bersama negara-negara Eropah. Anda tidak tahu banyak mengenai Asia Timur. Sebab itulah anda tidak tahu kami juga boleh menyediakan apa yang disediakan oleh yang lain."

"Sebagai contoh, kebanyakan daripada negara-negara pengeluar minyak berpendapat yang hanya orang Eropah dan Amerika - dan mungkin Jepun yang mempunyai kepakaran dalam industri petroleum. Syarikat petroleum kebangsaan kami (Petronas) beroperasi di 25 negara.

"Kami mengeluarkan minyak di banyak negara, kami terlibat dalam aktiviti hiliran dan hulu dan syarikat petroleum terbesar di Afrika Selatan telah meminta khidmat kami. Saya tahu kami mempunyai keupayaan yang pasti menguntungkan kedua-dua pihak."

Hubungan pelancongan dan budaya juga berkembang dengan Malaysia mengambil usaha-usaha bersepadu untuk menarik pelancong dari Asia Barat.

UAE mengorak langkah besar baru-baru ini dengan mengecualikan keperluan visa bagi warga Malaysia. Kini lawatan antara kedua-dua negara lebih lancar.

Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) -- dengan kerjasama sebuah pertubuhan UAE yang mengatur perkahwinan bagi warga amiriah telah memperkenalkan pakej bagi pasangan-pasangan yang melangsungkan perkahwinan secara berkumpulan untuk berbulan madu di Malaysia.

MAS akan menyediakan pesawat khas bagi pasangan-pasangan baru berkahwin itu jika bilangan pasangan yang datang ke Malaysia melampaui 70.

Kumpulan pertama pasangan berbulan madu dijangka tiba di Malaysia pada pertengahan Ogos.

Semasa lawatan mereka, pasangan-pasangan itu juga akan berpeluang menjalani majlis perkahwinan tradisional di Malaysia.

Malaysia tahun ini mengambil bahagian buat pertama kali di Festival Membeli Belah Dubai dan Pasaran Pengembaraan Arab.

Penyertaannya dalam pameran perabot antarabangsa merupakan yang kedua terbesar dengan 80 syarikat mengambil bahagian.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yakob dan Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia Abdullah Jonid mengetuai dua delegasi penting untuk menampilkan potensi perniagaan dan pelancongan di Malaysia.

Hubungan seperti itu sedang dimajukan di pelbagai peringkat. Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) dan Universiti Ajman Bagi Sains dan Teknologi (AUST) di UAE sedang bekerjasama dalam pembangunan zon-zon pintar masa depan dan dalam bidang-bidang seperti "sekolah bistari," teleperubatan, perniagaan elektronik dan undang-undang siber.

UAE dan Malaysia juga bersetuju untuk bekerjasama dalam sektor koperasi dan pertanian.

"Kita perlukan pertukaran lawatan secara berterusan oleh pegawai-pegawai politik dan perniagaan untuk memantapkan lagi hubungan," kata Syed Hussein.

Daripada segi politik, Malaysia melihat UAE sebagai sebahagian daripada blok Arab yang boleh memengaruhi politik antarabangsa supaya memihak kepada umat Islam.

Rafidah memberitahu BERNAMA di Dubai yang negara-negara Asia Barat boleh bertindak dalam satu kumpulan untuk membentuk agenda Pertubuhan Perdagangan Dunia dan menentang langkah-langkah perlindungan Eropah dan Amerika Syarikat.

Beliau berkata, perpaduan Islam mesti diterjemahkan ke dalam tindakan dan perlu ada usaha daripada segi politik dan ekonomi. UAE dan Malaysia berada dalam arah yang tepat.

-- BERNAMA

SK ES PR